KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **3 APRIL 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 3/4/2024
M/SURAT: 15

# Skim harga maksimum musim raya dilaksana 15 hari

**Nilai:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) di seluruh negara sempena sambutan Aidilfitri 2024 berkuat kuasa 5 hingga 19 April ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata tempoh pelaksanaan SHMMP selama 15 hari itu membabitkan 22 jenis barangan yang akan berada di bawah skim berkenaan.

Beliau berkata, skim berkenaan membolehkan penentuan harga dibuat ke atas peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit.

"Tempoh pelaksanaan SHMMP Hari Raya Aidilfitri 2024 adalah selama 15 hari iaitu lima hari sebelum perayaan, satu hari ketika perayaan dan sembilan hari selepas perayaan.

"Sebanyak 22 jenis barangan diwartakan bagi pelaksanaan skim ini dan ia adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa, iaitu mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan peniaga.

"Pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga pula tidak tertekan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlalu lama," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Armizan berkata, kementeriannya juga akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi memastikan harga barangan terkawal serta bekalan mencukupi.

Katanya, semakan harga boleh dibuat melalui laman web KPDN di https://www.kpdn.gov.my.

"Pegawai penguat kuasa KPDN di seluruh negara akan melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan di lokasi strategik seperti di pasar malam, pasar tani dan pusat beli-belah barangan keperluan perayaan.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011). Ia termasuk tindakan bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga bagi barangan terkawal," katanya.

Beliau berkata, kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000 bagi individu, manakala bagi syarikat boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 3/4/2024
M/SURAT: 12

# Wanita seludup diesel untuk beli baju raya

**TUMPAT:** Seludup diesel untuk beli baju raya. Itu alasan seorang wanita yang ditahan selepas cuba menyeludup 95 liter minyak diesel di tepi jalan Chabang Empat di sini semalam.

Menurut wanita berusia 30-an itu, dia terpaksa melakukan kegiatan salah itu kerana mahu membeli baju raya.

Suspek ditahan oleh sepasukan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan pada pukul 1 petang menerusi Ops Bersepadu Pencegahan Penyelewengan Barang Kawalan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, terdahulu anggota bertugas mengekori suspek sejauh dua kilometer sebelum berjaya menahan kereta jenis yang jenis Proton Waja dipandu wanita berkenaan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan membawa kepada penemuan 95 liter diesel di dalam tong jerikin dan tangki tambahan yang telah diubah suai pada kenderaan tersebut.

"Siasatan awal suspek mengaku membuat pembelian pengisian kedalam tangki ubahsuai kenderaan secara berulang di beberapa stesen minyak sekitar daerah ini.

"Kes ini disiasat dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Azman memberitahu, operasi mencegah ketirisan barangan kawalan akan terus diperhebatkan dalam usaha membendung aktiviti tersebut.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: RABU
TARIKH: 3/4/2024
M/SURAT: 8



TONG muatan diesel yang dirampas daripada seorang wanita di tepi jalan Chabang Empat, Tumpat kelmarin. – IHSAN KPDN

# Beri alasan cari duit beli baju raya lepas dicekup cuba seludup diesel

**TUMPAT** – Seorang wanita memaklumkan dia sedang mencari wang untuk membeli pakaian raya seleps ditahan ketika cuba menyeludup sebanyak 95 liter diesel di tepi jalan Chabang Empat di sini kelmarin.

Suspek yang berusia dalam lingkungan 30-an itu diberkas sepasukan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan pada pukul 1 tengah hari menerusi Ops Bersepadu Pencegahan Penyelewengan Barang Kawalan bersama Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga Pengkalan Kubor.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, anggota bertugas mengekori sebuah kereta jenis Proton Waja yang dipandu suspek sejauh dua kilometer sebelum berjaya menahan kenderaan tersebut.

Menurut beliau, pemeriksaan di dalam kereta itu kemudiannya menjumpai sebanyak 95 liter diesel di dalam tong dan tangki tambahan yang diubah suai.

"Hasil soal siasat, wanita tersebut mengaku membuat pembelian dan mengisi diesel ke dalam tangki kereta yang diubah suai di beberapa stesen minyak sekitar daerah ini.

"Operasi mencegah ketirisan barangan kawalan akan terus dipertingkatkan dalam usaha membendung kegiatan penyeludupan diesel," katanya.

Tambahnya, kes tersebut disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 3/4/2024
M/SURAT: 12

# Lapor segera jika harga ayam naik

**NILAI** - Orang ramai diminta membuat laporan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) jika mendapati peniaga menaikkan harga ayam secara keterlaluan menjelang musim perayaan ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, walaupun bahan mentah itu tidak dimasukkan dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Aidilfitri 2024, namun itu bukan bermaksud peniaga boleh menaikkan harga sehingga pada tahap tidak munasabah.

"Kita akan gunakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) sekiranya didapati berlakunya kenaikan harga ayam yang keterlaluan atau tidak wajar.

"Orang ramai boleh membuat aduan di semua platform aduan yang ada dengan menyertakan maklumat yang boleh membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pengumuman SHMMP Aidilfitri 2024 di sebuah pasar raya di sini pada Selasa.

Menurutnya, ayam tidak disenaraikan dalam SHMMP kali ini selepas pemantauan dilakukan menunjukkan harga bahan mentah tersebut stabil dan bekalannya juga mencukupi.

Ujarnya, sempena SHMMP Aidilfitri yang akan berlangsung selama 15 hari bermula pada 5 April ini, sebanyak 22 barangan disenaraikan.

"Jadi, kita harap dengan adanya pelaksanaan skim ini sedikit sebanyak akan dapat kurangkan beban ditanggung rakyat untuk penuhi keperluan menyambut Aidilfitri," katanya.



Armizan (tengah) menunjukkan senarai 22 barangan yang dimasukkan dalam SHMMP Aidilfitri 2024 semasa sidang akhbar di sebuah pasar raya di Nilai pada Selasa.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Barangan keperluan mentah di Perak cukup sehingga Aidilfitri

**Ipoh:** Kerajaan Negeri Perak memberi jaminan bekalan barangan keperluan mentah seperti daging, ayam, ikan, dan telur di negeri ini mencukupi sehingga sambutan Aidilfitri.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, setakat ini, pihaknya tidak menerima aduan serta laporan berkaitan ketidakcukupan barangan terbabit.

"Setakat hari ini (semalam), saya belum dapat apa-apa aduan berkaitan ketidakcukupan bekalan bahan makanan dan sebagainya. Insya-Allah, setakat ini kita beri jaminan bahawa semuanya mencukupi.

"Ia mencukupi untuk pengguna atau masyarakat Islam untuk menyambut Aidilfitri, termasuk daripada segi (bekalan) telur yang tidak timbul masalah mengenainya setakat hari ini," katanya kepada media pada program memasak dan agihan bubur lambuk sempena Ramadan di Taj International College (TIC), di sini, semalam.

Katanya lagi, menjelang Aidilfitri, kerajaan negeri bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) akan menganjurkan Jualan Agro Madani Pra Syawal peringkat negeri pada Jumaat ini di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng.

**"Ia mencukupi untuk pengguna atau masyarakat Islam untuk menyambut Aidilfitri, termasuk daripada segi (bekalan) telur yang tidak timbul masalah mengenainya"**

Menurutnya, selain itu, ada juga program Pra-Pesanan Jualan Rahmah Aidilfitri (Ayam, Daging, dan Telur) dengan harga subsidi sempena Aidilfitri anjuran Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) yang berlangsung daripada 22 Mac lalu dan berakhir semalam (2 April).

Kata Mohd Zolkafly, Jualan Agro Masani sempena Syawal bagaimanapun lebih tertumpu kepada penganjuran selepas tanggal 1 Syawal membabitkan lapan daerah di Perak.

"Cuma di Lenggong sahaja jualan murah diadakan sebelum Aidilfitri iaitu pada 7 April.

"Untuk jualan di Lenggong, kira-kira 2,500 ekor ayam seberat kira-kira 1.5 kilogram akan dijual pada harga RM10 seekor.

"Untuk jualan prapesanan Perak SADC, daging segar lembu, umpamanya dijual pada harga RM32 berbanding harga pasaran iaitu RM38 hingga RM40 sekilogram," katanya.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 3 APRIL 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 3-Apr | Seludup diesel untuk beli baju raya | https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/seludup-diesel-untuk-beli-baju-raya/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 3-Apr | QUEST INTERNATIONAL UNIVERSITY RAI PENGHUNI YAYASAN AMANAH AN-NUR MAISARAH PADA PROGRAM IFTAR RAMADAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2284906 | BERNAMA |
| 3-Apr | Johor catat pelaburan positif dalam keadaan ringgit jatuh | https://www.sinarharian.com.my/article/657738/edisi/johor/johor-catat-pelaburan-positif-dalam-keadaan-ringgit- | SINAR HARIAN |
| 3-Apr | Department store hits high note in Setia Alam | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/04/02/department-store-hits-high-note-in-setia-alam | THE STAR |
| 3-Apr | Telefon pelbagai jenama dijual lebih murah di pasaran dirampas KPDN | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/telefon-pelbagai-jenama-dijual-lebih-murah-di-pasaran-dirampas-kpdn | BERITA RTM |
| 3-Apr | Citing frugality, PM Anwar says not hosting Aidilfitri open house at Seri Perdana this year as well | https://www.theborneopost.com/2024/04/02/citing-frugality-pm-anwar-says-not-hosting-aidilfitri-open-house-at-seri-perdana-this-year-as-well/ | THE BORNEO POST |
| 3-Apr | Citing frugality, PM Anwar says not hosting Aidilfitri open house at Seri Perdana this year as well | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/02/citing-frugality-pm-anwar-says-not-hosting-aidilfitri-open-house-at-seri-perdana-this-year-as-well/126825 | MALAY MAIL |
| 3-Apr | Lapor segera jika harga ayam tak munasabah - Armizan | https://www.sinarharian.com.my/article/657836/berita/nasional/lapor-segera-jika-harga-ayam-tak-munasabah---armizan | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3-Apr | Harga ayam stabil, tak masuk dalam SHMMP - Armizan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1076558/harga-ayam-stabil-tak-masuk-dalam-shmmp-armizan | HARIAN METRO |
| 3-Apr | Harga stabil, ayam tak masuk skim harga maksimum Aidilfitri | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/02/harga-stabil-ayam-tak-masuk-skim-harga-maksimum-aidilfitri/ | FREE MALAYSIA TODAY |
| 3-Apr | KPDN pantau harga ayam di pasaran, peniaga boleh dikenakan tindakan | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-pantau-harga-ayam-di-pasaran-peniaga-boleh-dikenakan | BERITA RTM |
| 3-Apr | KPDN umum 22 barang kawalan Aidilfitri | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1230786/kpdn-umum-22-barang-kawalan-aidilfitri | BERITA HARIAN |
| 3-Apr | Pelaksanaan SHMMP 15 hari bermula 5 April, libatkan 22 barangan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/02/pelaksanaan-shmmp-15-hari-bermula-5-april-libatkan-22-barangan | UTUSAN BORNEO |
| 3-Apr | KPDN lists 22 items under SHMMP for Aidilfitri | https://thesun.my/local_news/kpdn-lists-22-items-under-shmmp-for-aidilfitri-IJ12289717 | THE SUN |
| 3-Apr | PELAKSANAAN SHMMP 15 HARI BERMULA 5 APRIL, LIBATKAN 22 BARANGAN | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2285086 | BERNAMA |
| 3-Apr | KPDN lists 22 items under Maximum Price Scheme for Aidilfitri | https://themalaysianreserve.com/2024/04/02/kpdn-lists-22-items-under-maximum-price-scheme-for-aidilfitri/ | THE MALAYSIAN RESERVE |
| 3-Apr | Pelaksanaan SHMMP 15 hari bermula 5 April, libatkan 22 barangan | https://malaysiagazette.com/2024/04/02/pelaksanaan-shmmp-15-hari-bermula-5-april-libatkan-22-barangan/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 3-Apr | Domestic Trade and Cost of Living Ministry lists 22 items under maximum price scheme for Aidilfitri | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/02/domestic-trade-and-cost-of-living-ministry-lists-22-items-under-maximum-price-scheme-for-aidilfitri/126901 | MALAY MAIL |
| 3-Apr | Peniaga diingatkan patuhi SHMMP | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1076534/peniaga-diingatkan-patuhi-shmmp | HARIAN METRO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3-Apr | Skim Harga Maksimum Hari Raya Aidilfitri 2024 mulai Jumaat ini | https://www.kosmo.com.my/2024/04/02/skim-harga-maksimum-hari-raya-aidilfitri-2024-mulai-jumaat- | KOSMO |
| 3-Apr | KPDN umum 22 barang kawalan Aidilfitri | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-umum-22-barang-kawalan-aidilfitri/ | BULETIN TV3 |
| 3-Apr | Jualan Rahmah Malaysia Madani dapat sambutan luar biasa | https://www.borneodailybulletin.com/jualan-rahmah-malaysia-madani-dapat-sambutan- | BORNEO DAILY |
| 3-Apr | KPDN Kelantan sita 2,016kg gula pasir disimpan dalam premis di Kota Bharu | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kelantan-sita-2016kg-gula-pasir-disimpan-dalam-premis-di-kota-bharu/ | BULETIN TV3 |
| 3-Apr | KPDN sita 2 tan gula pasir disorok di Kelantan | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/02/kpdn-sita-2-tan-gula-pasir-disorok | FREE MALAYSIA TODAY |
| 3-Apr | KPDN KELANTAN SITA 2,016KG GULA PASIR DISIMPAN DALAM PREMIS DI KOTA BHARU | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2285173 | BERNAMA |
| 3-Apr | Kekalkan BERNAS pengimport tunggal untuk buka peluang kepada entiti lain | https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/04/1230682/kekalkan-bernas-pengimport-tunggal-untuk-buka-peluang-kepada | BERITA HARIAN |
| 3-Apr | 'Selesai isu PRISM, RPM sebelum wujud CMO tunggal' | https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2024/04/1230703/selesai-isu-prism-rpm-sebelum- | BERITA HARIAN |
| 3-Apr | Media digital makin dominan | https://www.kosmo.com.my/2024/04/02/media-digital-makin- | KOSMO |
| 3-Apr | Sistem cukai semasa beri kesan fiskal lebih cepat kepada negara - Lim | https://thesun.my/cerita/berita/sistem-cukai-semasa-beri-kesan-fiskal-lebih-cepat-kepada-negara-lim-BJ12288595 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3-Apr | Sistem cukai semasa beri kesan fiskal lebih cepat kepada negara – Lim | https://www.buletintv3.my/detik-niaga/sistem-cukai-semasa-beri-kesan-fiskal-lebih-cepat-kepada-negara-lim/ | BULETIN TV3 |
| 3-Apr | Sistem cukai semasa beri kesan fiskal lebih cepat kepada negara – Lim | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2284996 | BERNAMA |
| 3-Apr | Sistem cukai SST beri kesan fiskal lebih cepat berbanding GST - Hui Ying | https://www.astroawani.com/berita-bisnes/sistem-cukai-sst-beri-kesan-fiskal-lebih-cepat-berbanding-gst-hui-ying-464929 | ASTRO AWANI |
| 3-Apr | SST beri kesan fiskal lebih cepat kepada negara berbanding GST | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/04/1230832/sst-beri-kesan-fiskal-lebih-cepat-kepada-negara-berbanding-gst | BERITA HARIAN |
| 3-Apr | Lelaki didenda RM10,000 kerana miliki 500 liter diesel tanpa permit | https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/02/lelaki-didenda-rm10000-kerana-miliki-500-liter-diesel-tanpa-permit | UTUSAN BORNEO |
| 3-Apr | Man fined RM10,000 for illegally possessing 500 litres of diesel in Siburan | https://www.theborneopost.com/2024/04/02/man-fined-rm10000-for-illegally-possessing-500-litres-of-diesel-in-siburan/ | THE BORNEO POST |
| 3-Apr | KETERSEDIAAN BEKALAN AGROMAKANAN FAMA NEGERI PERAK MENJELANG SAMBUTAN AIDILFITRI | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2285104 | BERNAMA |
| 3-Apr | Fama: Semarak Syawal Agro Madani sale begins nationwide tomorrow | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/02/fama-semarak-syawal-agro-madani-sale-begins-nationwide-tomorrow/126963 | MALAY MAIL |
| 3-Apr | Beri alasan cari wang beli baju raya lepas dicekup cuba seludup diesel | https://kosmo.com.my/2024/04/02/beri-alasan-cari-wang-beli-baju-raya-lepas-dicekup-cuba-seludup-diesel/ | KOSMO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT